

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 62

Soalan (a)

Baki-baki berikut telah diambil dari buku Sunny Enterprise pada 31 Mac 2017:

Akaun	RM	Akaun	RM
Tunai di tangan	585	Akaun belum terima	3,770
Overdraf bank	2,100	Pinjaman bank	10,000
Inventori	12,348	Sewa diterima terdahulu	400
Akaun belum bayar	4,890	Faedah belum bayar	624
Premis	38,000	Bil belum terima	480
Alatan pejabat	8,870	Nota belum bayar	1,600

Dikehendaki:

Hitung yang berikut bagi Sunny Enterprise pada 31 Mac 2017:

- Jumlah aset bukan semasa
- Jumlah aset semasa
- Jumlah liabiliti bukan semasa
- Jumlah liabiliti semasa
- Modal

Soalan (b)

Baki-baki berikut telah diambil dari buku Rohan Trading pada 30 September 2017:

Akaun	RM	Akaun	RM
Tunai di tangan	320	Bil belum bayar	800
Bank	5,640	Gadaijanji	35,000
Inventori	8,150	Kenderaan	50,000
Akaun belum terima	2,460	Sewa terakru	500
Akaun belum bayar	1,500	Utiliti belum bayar	120
Bil belum terima	480	Hasil belum diperolehi	750
Lengkapan	8,200	Inventori alat tulis	60
Mesin	15,000	Deposit sewa	1,000
Komisen belum terima	640	Simpanan tetap (3 bulan)	5,000

Dikehendaki:

Hitung yang berikut bagi Rohan Trading pada 30 September 2017:

- Jumlah aset bukan semasa
- Jumlah aset semasa
- Jumlah liabiliti bukan semasa
- Jumlah liabiliti semasa
- Modal